

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JMS216 – Sejarah Ekonomi Malaysia**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

1. Melaka muncul sebagai sebuah pusat perdagangan dan perkapalan yang penting di Selat Melaka sejak kurun ke-15M. Bincangkan langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah Melaka untuk memastikan kepentingan pelabuhan Melaka dalam urusan perdagangan terus bertahan.

(25 markah)

2. Kestabilan politik negeri-negeri Melayu yang terjejas sejak abad ke-18M telah menyebabkan kegiatan perdagangan dan perkapalan Melayu semakin merosot dan akhirnya terus lenyap. Bolehkah pernyataan ini diterima sebagai faktor utama yang membawa kepada runtuhnya aktiviti perdagangan dan perkapalan Melayu. Beri hujah anda bersama contoh yang sesuai.

(25 markah)

3. Bincangkan peranan pemodal-pemodal asing dalam merencanakan lagi ekonomi eksport di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

(25 markah)

4. Perkembangan ekonomi komersial memberi impak kepada perkembangan infrastruktur dan kependudukan di Malaysia. Nilai bersama contoh yang sesuai.

(25 markah)

5. Salah satu cara kerajaan menangani masalah kelaparan tanah dalam kalangan masyarakat Melayu adalah melalui skim FELDA. Sejauh mana skim ini dapat mencapai matlamat tersebut.

(25 markah)

6. Pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi merupakan dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971. Pada pendapat anda, berjayakah DEB mencapai matlamat-matlamat ini setelah ia dilaksanakan sehingga 1990? Jelaskan.

(25 markah)

...3/-

**SULIT**

**JMS216**

- 0000000 -

...4/-

**SULIT**